

02/12/2004

Dr Mahathir terima anugerah Grand Fellow DPMMKL

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad malam tadi menerima anugerah Grand Fellow daripada Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Kuala Lumpur (DPMMKL).

Anugerah tertinggi DPMMKL itu disampaikan oleh Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Tuanku Syed Putra Jamalullail di sebuah hotel di Seri Kembangan, dekat sini.

Dengan anugerah itu, DPMMKL kini mempunyai seorang Grand Fellow, 10 Fellow dan dua ahli Kehormat yang terdiri daripada ahli perniagaan bukan Bumiputera.

Turut hadir pada majlis itu ialah Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid dan Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Berucap selepas menerima anugerah itu, Dr Mahathir berkata usaha kerajaan untuk melahirkan lebih ramai usahawan Bumiputera perlu diteruskan supaya kekayaan negara dapat diagihkan secara sama rata.

"Tidak timbul langsung soal kroni dalam pemberian bantuan kewangan tetapi bantuan berterusan akan diberikan jika seseorang penerima itu menunjukkan pencapaian cemerlang.

"Jadi jangan ada yang rasa iri hati dan kecil hati dengan rakan lain yang menerima lebih bantuan sebaliknya berusaha untuk terus maju," katanya.

(END)